

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans motorcycle365 Comprehensive Plus

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Motosikal Enhanced motorcycle365 Comprehensive Plus. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah Produk Insurans Motor Motosikal?

Polisi ini menyediakan perlindungan untuk motosikal, iaitu kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga, kerugian atau kerosakan harta benda pihak ketiga dan kerugian atau kerosakan kepada kenderaan anda sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan dan faedah kemalangan peribadi tambahan untuk pemegang polisi atau penunggang dibenarkan atau pembonceng semasa mereka menunggang, dalam perjalanan, menaiki atau turun dari motosikal.

2. Apakah jenis perlindungan/manfaat yang diberi?

Insurans ini meliputi:

- kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan anda kerana kebakaran tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan
- liabiliti kepada pihak ketiga untuk kecederaan tubuh badan, kematian dan kerugian atau kerosakan harta benda
- kemalangan peribadi untuk pemegang polisi, penunggang dibenarkan dan pembonceng
- indemniti berganda ketika cuti umum seluruh Malaysia untuk kematian atau hilang upaya kekal bagi pemegang polisi sahaja
- pendapatan hospital untuk pemegang polisi dan penunggang dibenarkan
- yuran ambulans untuk pemegang polisi sahaja

Perlindungan	Motosikal Komprehensif	motorcycle365 Comprehensive Plus
Kerugian/Kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan	✓	✓
Kerugian/Kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan atau kecurian	✓	✓
Liabiliti kepada Pihak Ketiga akibat: <ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan tubuh badan • Kematian • Kerugian/Kerosakan harta benda 	✓	✓
Kemalangan peribadi untuk: <ul style="list-style-type: none"> • Pemegang polisi • Penunggang dibenarkan • Pembonceng 	✗	✓
Indemniti berganda untuk: <ul style="list-style-type: none"> • Pemegang polisi 	✗	✓
Pendapatan hospital untuk: <ul style="list-style-type: none"> • Pemegang polisi • Penunggang dibenarkan 	✗	✓
Yuran ambulans untuk: <ul style="list-style-type: none"> • Pemegang polisi 	✗	✓

AmGeneral Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Ahli Kumpulan AmBank

Menara Shell, No. 211, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur, Malaysia.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)



1 800 88 3833



customer@kurnia.com



www.kurnia.com

Pilihan faedah yang memerlukan premium tambahan:

- Semua Penunggang

Pilihan faedah di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk ke cawangan atau perantara untuk mendapatkan pilihan faedah tambahan yang lain.

Nota:

- i) Adalah menjadi satu kesalahan dibawah undang-undang Republik Singapura bagi memasuki negara tersebut tanpa perlindungan kepada penumpang ke atas insurans motor kenderaan anda.
- ii) Tempoh perlindungan adalah untuk 1 tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada kemungkinan tuntutan yang dibuat pada masa hadapan di bawah polisi anda dengan mengambil kira pelbagai faktor, sebagai contoh nilai insurans kenderaan, umur, buatan dan model kenderaan, umur orang yang diinsuranskan, pengalaman memandu pemilik dan pemandu kenderaan, lokasi dan alamat kenderaan disimpan, kelayakan diskaun tanpa tuntutan (NCD) dan lain-lain.

4. Apakah jenis yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj-caj yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Amaun
Cukai perkhidmatan	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	10% daripada premium

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ambil perhatian?

- Fasal Purata diguna pakai jika kenderaan diinsuranskan pada jumlah kurang/lebih daripada nilai pasaran melebihi 10% pada masa kerugian. Oleh yang demikian, adalah penting untuk anda memastikan kenderaan anda diinsuranskan secukupnya untuk mengelakkan daripada terkurang atau terlebih insurans.
- Ekses (Lebihan) ialah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung bergantung kepada keupayaan enjin motosikal anda apabila berlaku tuntutan kerosakan motosikal.
- "Betterment" akan dikenakan jika alat lama diganti dengan alat francais baru semasa membaiki kerosakan kenderaan (umur kenderaan adalah 5 tahun dan ke atas) akibat kemalangan. Anda akan menanggung perbezaan kos terbabit (bergantung kepada umur kenderaan anda) kerana kenderaan anda yang telah dibaiki kini berada dalam keadaan yang lebih baik berbanding sebelum ia ditimpa kemalangan.
- Anda tidak akan mempunyai perlindungan insurans jika motosikal anda digunakan untuk tujuan berikut kecuali polisi anda mempunyai perluasan perlindungan khusus bagi tujuan tersebut:
 - untuk berlatih atau mengambil bahagian dalam sebarang perlumbaan, rali, perentak perlumbaan (pacemaking), ujian keandalan (reliability trial) atau ujian kelajuan;
 - digunakan di sebarang litar perlumbaan; dan
 - sebagai motosikal sewa dengan mengenakan sewa untuk menggunakan motosikal anda.

6. Apakah kepentingan pendedahan yang harus saya ambil perhatian?

Kontrak Insurans Pengguna

Dimana insurans yang anda pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) contohnya, anda sepatutnya menjawab semua soalan dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Dimana insurans yang anda pohon ini berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan; kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

7. Berapakah amaun diinsuranskan yang sepatutnya untuk kenderaan saya?

Anda hendaklah menginsuranskan kenderaan anda berdasarkan nilai pasaran kenderaan anda semasa memohon polisi insurans motor. Nilai ini juga disebut sebagai Amaun Diinsuranskan kenderaan anda di dalam polisi motor.

8. Mengapa saya perlu memilih nilai pasaran yang disyorkan sebagai amaun diinsuranskan dalam polisi?

Amaun diinsuranskan yang disyorkan adalah diperolehi daripada Sistem Penilaian Pasaran yang diluluskan dan ia digunakan sebagai panduan untuk mengesyorkan amaun diinsuranskan untuk kenderaan anda ketika anda membeli insurans ini.

9. Apakah polisi dasar “Nilai Dipersetujui”?

Sekiranya berlaku kerugian sepenuhnya atau kecurian, amaun maksimum yang akan kami bayar ialah sehingga amaun diinsuranskan sepertimana yang tertera dalam jadual polisi.

10. Apakah polisi dasar “Nilai Pasaran”?

Sekiranya berlaku kerugian sepenuhnya atau kecurian, amaun maksimum yang akan kami bayar ialah sehingga nilai pasaran kenderaan yang akan ditentukan pada masa kerugian atau amaun diinsuranskan sepertimana yang tertera di dalam jadual polisi; yang mana lebih rendah.

Adalah penting untuk menginsuranskan kenderaan anda pada nilai pasaran yang secukupnya. Berikut adalah kesan-kesan insurans terlebih dan insurans terkurang apabila satu kejadian berlaku dan menyebabkan tuntutan:

- Insurans terlebih: Apabila tuntutan berlaku, amaun maksimum yang akan kami bayar kepada anda ialah sehingga nilai pasaran kenderaan anda walaupun amaun diinsuranskan bagi kenderaan anda adalah lebih tinggi daripada nilai pasaran.
- Insurans terkurang: Apabila tuntutan berlaku, kami hanya akan menanggung sebahagian kerugian yang setimpal dengan perbezaan di antara nilai pasaran dan amaun diinsuranskan. Bakinya hendaklah ditanggung oleh anda sendiri jika amaun insurans yang terkurang melebihi 10% daripada nilai pasaran.

11. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Liabiliti terhadap tuntutan daripada penumpang-penumpang dalam kenderaan anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat konvulsi alam semula jadi / malapetaka alam seperti banjir, taufan, ribut, tanah runtuh dan sebagainya; dan
- Segala kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kegagalan/kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan pengecualian di bawah polisi ini.

12. Bolehkah saya membatalkan polisi insurans saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek, dimana sebarang premium minima dibayar di bawah polisi ini tidak boleh dipulangkan.

13. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat kepada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami bagi sebarang perubahan maklumat bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

14. Apa yang perlu anda tahu apabila membuat tuntutan?

- Buat laporan polis dalam masa 24 jam.
- Maklumkan syarikat insurans anda secara bertulis dengan memberi butir-butir lengkap dalam tempoh 7 hari selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah polisi ini dan lengkapkan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dalam tempoh masa 21 hari dari tarikh pemberitahuan.
- Tuntutan kerosakan sendiri – apabila membuat tuntutan, kerosakan kenderaan mestilah dikendalikan oleh bengkel panel yang diluluskan oleh kami.

15. Apakah pilihan lain untuk perlindungan insurans motor?

Berikut adalah pilihan lain untuk perlindungan insurans motor:

- Insurans Motor – Perlindungan Komprehensif
- Insurans Motor – Perlindungan Pihak Ketiga^{Tarif}

16. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan lebih maklumat berkaitan insurans motor, sila rujuk kepada buku kecil *infoinsurans* untuk “Insurans Motor” yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh dapatkan salinan daripada perantara insurans atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my untuk maklumat lanjut.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur,
Malaysia.

Talian Bebas Tol : 1 800 88 3833

Emel : customer@kurnia.com

Laman Web : www.kurnia.com

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN NILAI YANG BERSEKUTUAN KERANA IA AKAN MEMBERI KESAN KE ATAS JUMLAH YANG ANDA BOLEH TUNTUT. APABILA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. SEKIRANYA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA BUKANLAH PIHAK YANG BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGEMUKAKAN TUNTUTAN KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA AMAUN DIINSURANSKAN UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG FAEDAH KEMALANGAN PERIBADI YANG BERHAK DI BAWAH POLISI INI. SILA DAPATKAN BORANG PENCALONAN DARIPADA EJEN KAMI ATAU DARI MANA-MANA CAWANGAN AMGENERAL. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMI KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 01/02/2021 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.